

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

**PERTANYAAN**

: LISAN

**DARIPADA**

: **Tuan William @ Nyallau anak Badak  
[ Lubok Antu ]**

**TARIKH**

: **2 April 2014 (RABU)**

**SOALAN**

:

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk merakyatkan perkhidmatan awamnya sejajar dengan agenda negara “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

**JAWAPAN**

:

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPA sentiasa berusaha menambah baik perkhidmatannya dari semasa ke semasa selaras dengan hasrat kerajaan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” melalui transformasi-transformasi di bawah Produk 1Malaysia : Transformasi SPA yang mula dilaksanakan semenjak tahun 2012. Sehingga Mac 2014, SPA telah melaksanakan sebanyak 81 inisiatif untuk merakyatkan dan menambahbaik perkhidmatannya.

Antara inisiatif yang mendekatkan SPA dengan rakyat ialah :

- i. memberi keutamaan kepada kemudahan calon-calon terutama sekali dalam memastikan calon-calon dapat menghadiri peperiksaan dan temu duga pada waktu yang dipilih oleh calon itu sendiri. Ini bagi memberi peluang kepada calon-calon yang tidak mempunyai kelapangan waktu kerana komitmen kerja untuk hadir temu duga pada waktu malam atau hujung minggu;
- ii. mengadakan Kursus Tips dan Panduan Memasuki Sektor Awam secara percuma yang dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berminat untuk menyertai sektor awam. Kursus ini memberi panduan yang berguna kepada orang ramai tentang kaedah yang digunakan oleh SPA untuk melantik penjawat awam yang akan memberi peluang kepada orang ramai yang berminat untuk membuat persediaan yang lebih rapi sebelum menghadiri peperiksaan dan temu duga.;
- iii. mengadakan karnival kerjaya sebagai salah satu usaha mendekati rakyat. Karnival yang diadakan secara berperingkat di seluruh negara ini dapat membuka peluang kepada orang awam untuk mengetahui lebih dekat perkhidmatan SPA dan peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam perkhidmatan awam;
- iv. mengadakan kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs) dari kaum Cina dan India serta Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi menarik minat rakyat pelbagai kaum dan masyarakat luar bandar untuk memohon dengan SPA;

- 
- v. mengadakan taklimat kerjaya di sekolah-sekolah untuk memberi pendedahan mengenai peluang kerjaya yang boleh diceburi dalam perkhidmatan awam selepas pelajar-pelajar ini menamatkan pengajian di tingkatan 5/6 atau Institusi Pengajian Tinggi. Makluman mengenai kemudahan semasa dalam perkhidmatan dan selepas bersara turut diterangkan dalam taklimat ini.

Diharapkan dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan ini, rakyat dari pelbagai kaum dan peringkat akan lebih dekat dengan perkhidmatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.